



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

SIARAN MEDIA

NADMA PERKUKUH KEPAKARAN PENGURUSAN BENCANA DEMI KESELAMATAN DAN DAYA TAHAN MASYARAKAT

PULAU PINANG, 26 Ogos 2026 – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) meneruskan pembangunan kepakaran pengurusan bencana menerusi Program Pembangunan Kepakaran dan Perunding Kerajaan (PRESTIJ): Pengurusan Bencana Komprehensif (*Comprehensive Disaster Management*, CDM) 2026 – Kohort Kedua, sebagai pelaburan jangka panjang untuk memperkukuh keupayaan negara melindungi masyarakat daripada risiko dan kesan bencana.

Bagi kohort kedua, penyertaan diperluaskan kepada pegawai kerajaan negeri dan daerah, selain peringkat persekutuan. Langkah ini membolehkan pengetahuan dan kepakaran pengurusan bencana diperkukuh lebih dekat dengan komuniti, khususnya di peringkat pentadbiran yang berhadapan secara langsung dengan keperluan masyarakat ketika berlaku bencana.

Program selama enam bulan itu dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara NADMA, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Disaster Management Training Center (DMTC), The University of Tokyo, Jepun.

Peserta akan didedahkan kepada pendekatan dan amalan dalam pengurusan bencana dan pengurangan risiko bencana (DRR), termasuk aspek mitigasi, sistem amaran awal dan teknologi berkaitan pengurusan risiko.

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) NADMA, Tuan Saiful Yazan bin Alwi, berkata pembangunan kepakaran perlu diterjemahkan kepada peningkatan keupayaan pengurusan bencana yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat.

“Matlamat akhirnya ialah keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Apabila pegawai di setiap peringkat mempunyai pengetahuan, kemahiran dan keupayaan membuat keputusan yang lebih baik, negara berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk mengurangkan risiko serta menyelaraskan pengurusan bencana dengan lebih berkesan.

“Kepakaran yang dibangunkan perlu diterjemahkan kepada kesiapsiagaan yang lebih baik, penyelarasan yang lebih tersusun dan keputusan yang lebih

tepat apabila masyarakat berhadapan dengan risiko atau kejadian bencana,” katanya. Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Komprehensif Pengurusan Bencana 2026 (CDM 2026) di Pulau Pinang, hari ini.

Pelaksanaan PRESTIJ DMP turut mengambil kira perkembangan profesionalisme pengurusan bencana di peringkat serantau, termasuk ASEAN Standards and Certification for Experts in Disaster Management (ASCEND) yang memberi penekanan kepada pembangunan standard kompetensi dalam bidang pengurusan bencana.

Kohort pertama PRESTIJ DMP yang dilaksanakan dari 11 Ogos 2025 hingga 6 Februari 2026 melibatkan 19 pegawai daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan dengan pengurusan bencana. Kohort ini menjadi kumpulan teras yang meletakkan asas kepada pembentukan jaringan kepakaran pengurusan bencana negara, melalui penguasaan ilmu dan kompetensi daripada pelbagai perspektif. Peserta turut berperanan menterjemahkan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh kepada penambahbaikan dasar, sistem dan protokol, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan daya tahan Malaysia dalam menghadapi bencana.

Bagi memastikan pembangunan kepakaran dapat dilaksanakan secara berterusan dan berstruktur, NADMA dan JPA turut meneliti pengukuhan program ini di bawah Pusat Kecemerlangan Pengurusan Bencana Malaysia (MyCEDM).

Melalui pembangunan kepakaran dari peringkat Persekutuan, negeri dan daerah, NADMA berhasrat memastikan pengetahuan yang diperoleh tidak terhenti pada peringkat latihan, sebaliknya diterjemahkan kepada kesiapsiagaan yang lebih baik, pengurangan risiko yang lebih berkesan serta pengurusan bencana yang lebih responsif terhadap keperluan masyarakat.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengurusan Bencana Negara
26 Ogos 2026